



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

## **KENYATAAN MEDIA**

**Bil. 32 / 2021**

### **PROSES PENAMAAN CALON PILIHAN RAYA UMUM DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK KE-12**

1. Hari ini telah dijalankan proses penamaan calon bagi Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri (PRU DUN) Sarawak Ke-12 di **82 Pusat Penamaan Calon (PPC)** seluruh Negeri Sarawak.
2. Selepas tempoh penamaan calon ditutup pada pukul **10.00 pagi**, seramai **349 calon** mewakili pelbagai parti disahkan bertanding dalam PRU DUN Sarawak Ke-12.
3. SPR telah menerima dan mengesahkan sebanyak **349 KERTAS PENAMAAN** yang layak bertanding bagi PRU DUN Sarawak Ke-12 daripada pihak-pihak seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>PARTI</b>	<b>JUMLAH</b>
1.	Gabungan Parti Sarawak (GPS)	<b>82</b>
2.	Parti Bumi Kenyalang (PBK)	<b>73</b>
3.	Parti Sarawak Bersatu (PSB)	<b>70</b>
4.	Parti Keadilan Rakyat (PKR)	<b>28</b>

<b>BIL.</b>	<b>PARTI</b>	<b>JUMLAH</b>
5.	Parti Tindakan Demokratik (DAP)	<b>26</b>
6.	Parti Aspirasi Rakyat Sarawak (ASPIRASI)	<b>15</b>
7.	Parti Bansa Dayak Sarawak Baru (PBDSB)	<b>11</b>
8.	Parti Amanah Negara (AMANAH)	<b>8</b>
9.	Parti Sedar Rakyat Sarawak (SEDAR)	<b>5</b>
10.	Parti Islam Se Malaysia (PAS)	<b>1</b>
11.	Bebas	<b>30</b>
<b>JUMLAH</b>		<b>349</b>

#### 4. **KERTAS PENAMAAN DITOLAK**

Sepanjang tempoh penamaan calon, terdapat **2** kertas penamaan telah ditolak atas sebab berikut;

<b>DUN</b>	<b>PARTI</b>	<b>SEBAB PENOLAKAN</b>
<b>DUN N.44 Jemoreng</b>	Parti Bumi Kenyalang (PBK)	Penyokong calon menarik diri yang menyebabkan kertas penamaan calon tidak lengkap.
<b>DUN N.75 Senadin</b>	Calon Bebas	Pencadang dan penyokong calon bukan pemilih berdaftar bagi DUN N.75

#### 4. **Pertandingan Mengikut Penjuru**

Secara keseluruhannya, **bilangan pertandingan mengikut penjuru** adalah seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>PENJURU</b>	<b>BILANGAN DUN</b>
1.	2 penjuru	<b>4</b>
2.	3 penjuru	<b>13</b>
3.	4 penjuru	<b>33</b>
4.	5 penjuru	<b>24</b>
5.	6 penjuru	<b>7</b>
6.	8 penjuru	<b>1</b>

#### 5. **Calon Yang Bertanding Mengikut Jantina**

Bilangan **calon yang bertanding mengikut jantina** adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>JANTINA</b>	<b>JUMLAH</b>
1.	Lelaki	<b>304</b>
2.	Wanita	<b>45</b>

#### 6. **Calon Yang Bertanding Berdasarkan Umur**

(i) Bilangan **calon yang bertanding berdasarkan julat umur** adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>JULAT UMUR</b>	<b>BILANGAN CALON</b>
1.	21 - 29	<b>8</b>
2.	30 - 39	<b>37</b>
3.	40 - 49	<b>50</b>
4.	50 - 59	<b>113</b>
5.	≥ 60	<b>141</b>

- (ii) Umur **calon tertua dan calon termuda yang bertanding** adalah seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>KATEGORI</b>	<b>UMUR CALON</b>
1.	<b>Umur Calon Tertua</b> DUN N.53 Bawang Assan (Parti Sarawak Bersatu)	<b>79 tahun</b>
2.	<b>Umur Calon Termuda</b> a. DUN N.11 Batu Lintang (Parti Keadilan Rakyat) b. DUN N.55 Nangka (Parti Bumi Kenyalang)	<b>24 tahun</b>

**7. Tempoh Rasmi Berkempen**

**Tempoh berkempen bermula** selepas pengisytiharan pilihan raya dipertandingkan oleh pegawai pengurus sehingga jam **11.59 malam, 17 Disember 2021.**

8. SPR telah menubuhkan **155 Pasukan Penguat Kuasa Kempen Pilihan Raya (PPKPR)** untuk memantau semua aktiviti calon bertanding ketika berkempen.

9. Calon yang telah membayar deposit bahan kempen pilihan raya sahaja **DIBENARKAN** untuk mempamer dan mengedarkan bahan kempen pilihan raya yang mengandungi **gambar calon, lambang/ simbol parti dan gambar pemimpin parti** yang diwakilinya.
10. Bahan kempen yang boleh digunakan seperti iklan, surat sebaran, pelekat dan poster **hendaklah mengandungi nama dan alamat pencetak dan penerbitnya KECUALI** bendera, poster simbol parti dan gambar pemimpin parti atau calon yang bertanding.
11. Bahan kempen yang mengandungi perkataan-perkataan yang boleh **mengembangkan perasaan jahat, berunsur perkauman dan menyentuh sensitiviti keagamaan atau hasutan yang boleh mendatangkan permusuhan adalah TIDAK DIBENARKAN.**
12. SPR ingin memaklumkan bahawa Prosedur Operasi Standard (SOP) Khas Pencegahan COVID-19 Bagi Pelaksanaan PRU DUN Sarawak Ke-12 telah diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada **5 Disember 2021 (Ahad)** selaras dengan **Peraturan 16, Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (Pelan Pemulihan Negara) 2021.**
13. SOP khas ini akan dilaksanakan dengan ketat di semua proses penjalanan pilihan raya iaitu taklimat petugas, proses cetakan dan semakan kertas undi, pengeluaran dan pengiraan kertas undi pos, semakan isi peti undi, sepanjang tempoh berkempen, hari mengundi dan penjumlahan rasmi undi. Maklumat lanjut berkenaan SOP

Pencegahan COVID-19 PRU DUN Sarawak Ke-12 boleh diperolehi di portal [spr.gov.my](http://spr.gov.my).

14. SPR juga berharap agar aktiviti berkempen yang dibenarkan akan berjalan dalam suasana yang penuh harmoni serta mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan yang ditetapkan.
15. SPR merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada semua Pegawai Pengurus Pilihan Raya dan pasukan kerana telah menjalankan tanggungjawab dengan lancar pada hari ini.
16. Penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak, Polis Diraja Malaysia, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak, Kementerian Kesihatan Malaysia, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Insolvensi Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan, media dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung.

Sekian, terima kasih.

**DATUK ABDUL GHANI SALLEH**

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

6 Disember 2021 / 1 Jamadilawal 1443H